

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan setelah menjalankan Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) sejak 2010 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan UiTM, berapakah jumlah pelajar yang telah mendapat manfaat daripada program ini dan adakah ianya akan diteruskan atau sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah baik program berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) dilaksanakan, sehingga Jun 2015 seramai 32,485 orang telah mendaftar sebagai pelajar program ini. Program ini akan diteruskan dan perancangan untuk menambah baik program ini sentiasa dilaksanakan terutamanya berkaitan hal ehwal akademik, pengurusan motivasi dan kaunseling pelajar.